



**CABARAN HIDUP GOLONGAN IBU TUNGGAL DI DAERAH KUCHING, SARAWAK: SATU
KAJIAN KES DI PERSATUAN KELUARGA IBU TUNGGAL**

***Life Challenges of Single Mothers in Kuching District, Sarawak: A Case Study in a Family Association of
Single Mother***

Irene Cheing Sing Sing¹, Masarah Mohamad Yusof^{1*}

¹ School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, 11800 Penang, Malaysia

*Corresponding Author Email: masarahmy@usm.my

Received: 27 September 2023 • Accepted: 18 February 2024 • Published: 30 April 2024

ABSTRACT

Single mothers face various challenges in their lives after losing their husbands to affect their well-being. Therefore, the objective of this study is to identify the real challenges faced by 20 single mothers in Kuching, Sarawak. Qualitative methods through a phenomenological approach are applied to understand the life experiences of single mothers more deeply. A purposive sampling technique was used to obtain some important characteristics in line with the objectives of the study. Semi-structured interviews were used as the main method of detailed data collection. All research findings were analyzed using thematic analysis techniques to produce important themes related to the challenges faced by single mothers. It includes themes in the form of (1) economic challenges, (2) challenges as the main caregiver of children, (3) challenges of alimony and (4) challenges of emotional stress. Next, several forms of social work intervention are suggested based on the findings of this study. The findings suggest addressing the issue among single mothers, potentially fostering improved well-being and resilience within this demographic.

Keywords: *Single Mother; Challenges; Qualitative Methods, Social Work Intervention; Wellbeing*

ABSTRAK

Golongan ibu tunggal menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan selepas kehilangan suami hingga menjejaskan kesejahteraan hidup mereka. Oleh itu, objektif kajian ini mengenal pasti bentuk cabaran sebenar yang dihadapi oleh 20 orang golongan ibu tunggal di daerah Kuching, Sarawak. Kaedah kualitatif melalui pendekatan fenomenologi diaplikasikan untuk memahami pengalaman hidup golongan ibu tunggal dengan lebih mendalam. Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk mendapatkan beberapa ciri penting selari dengan objektif kajian. Temu bual separa berstruktur dijadikan kaedah utama pengumpulan data secara terperinci. Semua dapatan kajian dianalisis menggunakan teknik analisis termatik untuk menghasilkan tema-tema yang penting berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal. Ia merangkumi tema berbentuk (1) cabaran ekonomi, (2) cabaran sebagai penjaga utama anak, (3) cabaran tuntutan nafkah dan (4) cabaran tekanan emosi. Seterusnya, beberapa bentuk intervensi kerja sosial dicadangkan berdasarkan dapatan kajian ini. Dapatan tersebut mencadangkan penyelesaian masalah ini di kalangan ibu tunggal, yang berpotensi meningkatkan kesejahteraan dan daya ketahanan dalam kalangan demografi ini.

Kata kunci: Ibu Tunggal; Cabaran; Kaedah Kualitatif; Intervensi kerja sosial; Kesejahteraan

Cite as: Cheing, I.S.S., & Masarah, M.Y. (2024). Life Challenges of Single Mothers in Kuching District, Sarawak: A Case Study in a Family Association of Single Mother. *Asian People Journal*, 7(1), 60-74.

PENGENALAN

Masyarakat sering membincangkan isu ibu tunggal berbanding bapa tunggal pada masa ini (Zakaria et al., 2019). Hal ini disebabkan oleh jangka masa status bapa tunggal adalah lebih singkat kerana kebanyakan mereka mengambil keputusan berkahwin semula lebih cepat berbanding dengan golongan ibu tunggal (Rahman, 2004). Selain itu, golongan wanita dijangka hidup lebih lama berbanding dengan lelaki turut menyumbang kepada peningkatan jumlah kes ibu tunggal di Malaysia (SUHAKAM, 2012). Berdasarkan statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), jumlah ibu tunggal pada tahun 2014 menunjukkan peningkatan sebanyak 80.6% daripada jumlah asal ibu tunggal pada tahun 2010 (Zakaria et al., 2019). Laporan statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 pula menunjukkan kebimbangan apabila jumlah kumpulan sasar ini terus meningkat kepada angka satu juta di negara ini (Adnan, 2022). Ketiadaan bapa dalam sistem kekeluargaan mampu mempengaruhi peranan ketua keluarga untuk mengurus dan membimbing sistem keluarga terutamanya terhadap kesejahteraan anak (Jusoh & Latada, 2019). Kesannya, golongan ibu tunggal terpaksa mengambil alih beban dan peranan bapa dalam aspek pengurusan, penjagaan dan bimbingan. Justeru, permasalahan dan cabaran dalam kalangan ibu tunggal perlu diberi perhatian agar kefungsi sosial mereka dapat ditingkatkan untuk mencapai kesejahteraan institusi kekeluargaan.

Peranan golongan ini sebagai pencari nafkah tunggal dalam menyediakan keperluan asas keluarga merupakan isu yang kritikal pada masa ini kerana mereka berdepan dengan kesukaran dari segi kos sara hidup yang semakin meningkat (Ibrahim & Ghani, 2018). Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM, 2012) telah mengesan sebahagian besar ibu tunggal menghadapi masalah kewangan dari segi pembayaran yuran. Sebagai contoh, mereka tidak mempunyai kemampuan untuk menempatkan anak mereka di pusat jagaan kanak-kanak disebabkan kos bayaran yuran yang tinggi (Idris, 2018). Tambahan lagi, masalah kewangan yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal terutamanya selepas kehilangan suami mereka boleh meningkatkan risiko gangguan emosi sekiranya mereka tidak mendapat sokongan daripada ahli keluarga terdekat (Idris, 2018). Faktor tekanan yang tinggi dalam kehidupan seharian, mengasingkan diri dari masyarakat dan masalah kewangan boleh menyebabkan golongan ini mengalami masalah gangguan emosi hingga mampu mempengaruhi bentuk gaya keibubapaan mereka yang bersifat negatif (Ibrahim & Ghani, 2018). Justeru, masalah kewangan juga boleh dikaitkan dengan isu kemiskinan yang merupakan satu sindrom situasi merangkumi taraf kesihatan yang rendah, keadaan persekitaran rumah yang tidak selamat, pendapatan yang rendah, taraf pendidikan yang rendah, pengangguran serta pekerjaan yang tidak terjamin (Isahak et al., 2009).

Selain itu, golongan ibu tunggal merupakan antara golongan yang kurang mendapat perhatian daripada pihak berkuasa (Isahak et al., 2009). Laporan “Isu-isu Sosial Masa Kini dan Cadangan Penyelesaian” oleh bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA), Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah menggariskan beberapa masalah yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal (Zakaria et al., 2018). Antaranya adalah tidak mendapat hak yang sewajarnya, kurang kekuatan dan keyakinan diri untuk berdikari, kurang sokongan daripada keluarga dan masyarakat, kurang kemahiran keibubapaan untuk mendidik dan mengasuh anak, serta kewujudan jurang pengetahuan untuk berurusan dengan pihak berkuasa terutamanya hal-hal tuntutan nafkah dan bantuan kebajikan. Perkara tersebut turut menunjukkan golongan ibu tunggal tidak dapat menikmati hak asasi manusia yang sepenuhnya dalam kehidupan mereka yang merangkumi aspek pekerjaan, perumahan, pendidikan dan kesihatan (Idris, 2018).

KAJIAN LITERATUR

Isu berkaitan dengan kehidupan ibu tunggal ini juga bukan sahaja memberikan kesan negatif terhadap mereka, malah ia juga mampu mempengaruhi pembentukan tingkah laku sub sistem dalam sesebuah sistem keluarga. Salah satu kajian lepas telah menunjukkan kebanyakan anak yang berasal dari kelompok keluarga tunggal mempunyai masalah tingkah laku dan emosi akibat daripada kurangnya pengawasan ibu tunggal (Othman & Abdullah, 2020). Hal ini disebabkan peluang masa bersama dengan anak adalah terhad kerana golongan ibu tunggal terpaksa bekerja lebih masa bagi menyara dan memenuhi keperluan keluarga. Golongan ini juga berisiko tinggi menghadapi konflik peranan apabila terpaksa mengambilalih tugas sebagai bapa sebagai pencari nafkah utama, dan dalam masa sama, mereka perlu melaksanakan tugas sedia ada, iaitu sebagai ibu (Idris, 2018). Perkara ini boleh memberikan kesan negatif terhadap kualiti dalam penjagaan anak kerana golongan ibu tunggal tidak mampu memainkan peranan sebagai

seorang ibu yang prihatin serta seorang bapa yang tegas dan penyayang kerana amat sibuk bekerja untuk menampung keperluan hidup (Zakaria et al., 2019).

Kebanyakan ibu tunggal turut menghadapi masalah berkaitan prosedur dan keputusan mahkamah kerana ia seolah-olah tidak adil dan tidak menjaga kebajikan mereka (Zakaria et al., 2018). Antara isu hakim yang sering berlaku adalah menolak keterangan isteri kerana suami tidak hadir, memanjangkan kes cerai kerana suami enggan menceraikan isteri atau hakim menolak persetujuan hak lawatan walaupun ibu bapa telah mencapai persetujuan secara dalaman (Ramlan, 2020). Selain daripada isu berkaitan prosedur mahkamah yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal, mereka juga mudah tergolong dalam kelompok kemiskinan dalam masa yang singkat berikutan mereka terpaksa mengeluarkan wang menyara anak secara bersendirian tanpa menerima sebarang bentuk bayaran nafkah atau harta yang ditinggalkan oleh suami (Zainal et al., 2017).

Sementara itu, masalah gangguan kesihatan mental akibat pertukaran status isteri kepada ibu tunggal mungkin menyebabkan trauma, kebimbangan dan simptom kemurungan yang berpanjangan sehingga mereka mengalami kesunyian dan kefunksian sosial terjejas seperti hilang selera makan, sukar tidur pada waktu malam dan kurang keyakinan diri untuk bersosialisasi dengan orang lain (Zakaria et al., 2019). Menurut Dharatun Nissa (2017), golongan ibu tunggal yang mengalami masalah kesihatan mental didapati kurang keyakinan untuk menghadapi cabaran, sama ada dalam dunia pekerjaan ataupun kekangan untuk memenuhi tuntutan sosial dalam kehidupan mereka. Hal ini disebabkan oleh status janda, balu atau ibu tunggal kerap dipinggirkan, mendapatkan label yang tidak baik, dipandang serong dalam kalangan masyarakat, serta setiap langkah dan gerak-geri mereka sering dipertikaikan (Mustari et al., 2006). stigma masyarakat terhadap golongan ibu tunggal yang merupakan bentuk cabaran mental terbesar yang perlu dihadapi oleh mereka untuk bergerak bebas dalam masyarakat (Idris, 2018) kerana situasi tersebut boleh mempengaruhi pergerakan mereka seperti terpaksa mengehendak aktiviti untuk mengelakkan diri daripada menjadi bualan negatif dan fitnah dalam kalangan masyarakat sekeliling (Zakaria et al., 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berasaskan pendekatan fenomenologi dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh 20 orang ibu tunggal di daerah Kuching, Sarawak. Pendekatan ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana ia membantu mengenal pasti pengertian dan tanggapan seseorang individu berdasarkan pengalaman hidup yang dialami oleh individu tersebut secara keseluruhan (Arisani et al., 2023). Persatuan Keluarga Ibu Tunggal yang terletak di daerah Kuching, Sarawak telah dipilih sebagai lokasi kajian kerana daerah ini terbesar di Sarawak dan persatuan tersebut merupakan salah satu pertubuhan yang memberikan perkhidmatan bantuan kepada golongan ibu tunggal. Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk mendapatkan maklumat yang mendalam tentang cabaran golongan ibu tunggal. Ia berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu iaitu (1) golongan ibu tunggal yang menjadi ahli/ berdaftar sebagai ahli Persatuan Keluarga Ibu Tunggal; (2) warganegara

Malaysia; dan (3) masih menyara anak. Seterusnya, instrumen penting seperti panduan soalan temu bual dan perakam suara elektronik digunakan oleh pengkaji ketika mengumpul data menerusi kaedah temu bual separa berstruktur yang dijalankan sekitar 30 hingga 40 minit terhadap setiap informan. Selepas itu, proses menganalisis data menerusi kaedah analisis tematik dimulakan dengan menyusun maklumat temu bual dalam bentuk lisan kepada bentuk transkrip. Kajian lepas menerangkan bahawa kaedah analisis tematik digunakan oleh pengkaji untuk mengidentifikasi, menganalisis dan menafsirkan pola (tema) data kualitatif (Heriyanto, 2018). Justeru, beberapa tema penting telah dibentuk oleh pengkaji berdasarkan maklumat yang disampaikan oleh informan serta bertepatan dengan objektif kajian ini. Tema-tema tersebut terdiri daripada cabaran kewangan, cabaran sebagai penjaga utama anak, cabaran tuntutan nafkah dan cabaran tekanan emosi.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Demografi Informan

Dua puluh (20) orang informan yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan ibu tunggal warganegara Malaysia yang menyertai Persatuan Keluarga Ibu Tunggal dan masih menyara anak mereka. Secara umumnya, informan mempunyai pelbagai peringkat kelayakan akademik, iaitu bermula daripada peringkat darjah 6 hingga ke peringkat Sarjana. Informan juga terdiri daripada kelompok suri rumah dan ada antara mereka masih bekerja. Informan menjadi ibu tunggal seawal usia hujung 20an hingga awal 50an. Tempoh menjadi ibu tunggal adalah satu tahun sebagai tempoh minimum dan tiga puluh dua tahun sebagai tempoh maksimum. Informan telah kehilangan suami mereka disebabkan oleh faktor kematian dan penceraiian.

Tema-tema Cabaran Ibu Tunggal

Berdasarkan hasil kajian, beberapa tema penting telah dikenalpasti dalam kajian ini untuk menjawab fokus objektif berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal di daerah Kuching, Sarawak. Tema-tema tersebut adalah (1) cabaran kewangan, (2) cabaran sebagai penjaga utama anak, (3) cabaran tuntutan nafkah, dan (4) cabaran tekanan emosi. Setiap tema ini diperincikan dalam bahagian seterusnya.

Cabaran kewangan

Analisis tematik dalam kajian ini mendapati kewangan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal dalam kehidupan mereka setelah kehilangan suami masing-masing. Berdasarkan hasil temu bual, empat belas (14) daripada dua puluh (20) orang informan iaitu R1, R2, R3, R4, R5, R6, R8, R9, R13, R16, R17, R18, R19 dan R20 telah menghadapi cabaran tersebut. Kos sara hidup yang tinggi memaksa golongan ibu ini bekerja keras untuk menyara hidup mereka bersama dengan anak-anak. Majoriti informan mempunyai tanggungan anak bawah jagaan mereka yang masih kecil dan ada antara anak mereka sedang melanjutkan pengajian pada peringkat lebih tinggi. Ada antara informan memaklumkan beberapa bantuan kewangan telah diterima, namun ia masih tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup yang tinggi pada masa sekarang. Selain itu, beberapa orang informan yang

bekerja turut mengalami masalah kewangan kerana mereka perlu bertanggungjawab menampung keperluan harian mereka sekeluarga dengan jumlah pendapatan yang rendah. Salah seorang informan melaporkan:

Erm... Ya, walaupun bantuan PTPTN dan bantuan dermasiswa itu dapat menyelesaikan masalah yuran pengajian anak saya tetapi ia tidak dapat menanggung kos sara hidup anak saya secara menyeluruh kerana kos sara hidup di Kuala Lumpur agak tinggi. Masalah kos sara hidup yang tinggi merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh kita, tidak kira saya sendiri di Kuching atau anak saya di Kuala Lumpur. Saya merupakan seorang kakitangan kecil sahaja, upah saya yang agak kecil memang tidak cukup. (R1)

Bebanan dari aspek kewangan turut dirasakan oleh beberapa informan yang menjadi ibu tunggal akibat kematian suami mereka. Hal ini disebabkan majoriti kos perbelanjaan sepenuhnya ditanggung oleh suami sebagai pencari nafkah utama. Namun selepas kematian suami, informan terpaksa berdikari mencari sumber pendapatan sendiri untuk menampung kos hidup mereka sekeluarga. Keadaan ini menjadi lebih rumit apabila terdapat informan mengalami masalah kesihatan. Tambahan lagi, data menunjukkan majoriti informan sukar mendapat pekerjaan yang menawarkan gaji lebih tinggi kerana kebanyakan mereka hanya mempunyai tahap pendidikan yang rendah. Justeru, ia menjadi antara kekangan untuk menyelesaikan isu kewangan yang dihadapi oleh mereka. Antara ekstrak temu bual informan berkaitan dengan perkara ini dapat difahami seperti di bawah:

Saya telah hilang semua pendapatan keluarga selepas suami saya meninggal dunia kerana tidak ada orang bekerja lagi. Oleh sebab umur saya sudah agak tua dan masalah kesihatan saya, saya tidak mampu mencari dan mendapat suatu pekerjaan yang lebih bagus dengan gaji yang lebih banyak. Ketika suami saya masih hidup, yuran pengajian semua anak saya dan kos sara hidup mereka di luar adalah bergantung kepada upah suami saya. Oleh sebab kejadian ini berlaku secara tiba-tiba, saya memang tidak tahu mahu pergi ke mana untuk mencari dan mendapat duit ini dalam masa yang singkat untuk membayar yuran pengajian semua anak saya dan kos sara hidup mereka di luar. Yuran pengajian pada masa itu agak tinggi, iaitu luar daripada kemampuan saya. (R3)

Cabaran sebagai penjaga utama anak

Berdasarkan hasil temu bual, sebelas (11) daripada dua puluh (20) orang informan menghadapi cabaran sebagai penjaga utama anak selepas kehilangan suami mereka sama ada disebabkan oleh penceraian atau kematian suami. Mereka terdiri daripada R2, R7, R8, R9, R10, R11, R12, R13, R14, R15 dan R18. Antara cabaran terbesar yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal dalam kehidupan mereka setelah kehilangan suami mereka adalah mendidik atau membesarkan anak mereka secara bersendirian. Golongan ibu tunggal berpendapat bahawa mereka berasa terbeban kerana perlu memainkan pelbagai peranan dalam kehidupan mereka selepas kehilangan suami iaitu berperanan sebagai bapa dan ibu dalam satu masa yang sama terhadap anak mereka. Bebanan berat menguruskan segala perkara di rumah dan tempat kerja terpaksa ditanggung oleh golongan ibu tunggal seorang diri. Lebih menyedihkan lagi, ada antara golongan

ibu tunggal yang memikul tanggungjawab lebih berat apabila perlu menjaga ahli keluarga lain yang tidak sihat seperti nenek yang uzur serta anak yang mempunyai masalah kesihatan sejak dilahirkan sendirian setelah kehilangan suami. Hasil temu bual informan adalah seperti berikut:

Apabila suami saya meninggal dunia, semua anak saya masih kecil. Saya berasa terbeban kerana perlu memainkan pelbagai peranan dalam keluarga walaupun sudah tidak bekerja. Saya mempunyai seorang anak perempuan yang menghadapi masalah jantung yang kompleks sejak dilahirkan. Saya perlu menjaganya secara bersendirian selepas suami saya meninggal dunia. Saya juga perlu menjaga nenek yang agak tua pada masa yang sama. (R7)

Sebahagian ibu tunggal memberitahu mereka tidak dapat meluangkan masa untuk menemani anak mereka kerana perlu bekerja tanpa mengira waktu. Ada antara informan terpaksa meninggalkan anak mereka seorang diri di rumah semasa mereka keluar bekerja kerana tiada siapa yang boleh membantu menjaga anak mereka ketika itu. Kesibukan bekerja serta kurang perhatian terhadap anak menyebabkan perubahan tingkah laku anak yang bersifat negatif hingga mereka menghadapi masalah untuk berinteraksi secara positif dengan anak-anak. Berikut merupakan antara hasil temu bual daripada informan yang berkaitan:

Oleh sebab saya tidak berada di rumah dalam tempoh yang panjang setiap hari kerana perlu bekerja untuk menyara hidup keluarga, saya terpaksa meninggalkan anak saya di rumah. Ini menjadikan anak saya bertingkah laku kurang sopan dan saya amat susah untuk berkomunikasi dengannya. (R11)

Cabaran tuntutan nafkah

Berdasarkan hasil temu bual, tiga (3) daripada dua puluh (20) orang informan menghadapi cabaran tuntutan nafkah dalam kehidupan mereka selepas kehilangan suami mereka. Mereka terdiri daripada R12, R13 dan R20. Rata-rata informan menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap garis panduan perundangan dalam isu bantuan terhadap tuntutan nafkah. Informan terpaksa mengeluarkan sejumlah wang yang besar untuk membayar kos peguam untuk membantu membuat tuntutan nafkah kepada bekas suami kerana didapati tidak layak memohon bantuan guaman. Selain itu, ada antara informan tidak mempunyai masa untuk menguruskan tuntutan nafkah kerana perlu bekerja untuk menyara kehidupan bersama dengan anak. Keadaan menjadi lebih teruk apabila bekas suami informan langsung tidak memberikan kerjasama dalam urusan bayaran nafkah perbelanjaan untuk anak mereka. Kesannya, informan terpaksa bekerja keras untuk mencari wang untuk memastikan keperluan mereka sekeluarga mencukupi. Petikan temu bual bersama informan adalah seperti di bawah:

Saya telah berbelanja sebanyak RM23,000 untuk bercerai, tetapi saya tidak menerima apa-apa bantuan daripada kerajaan kerana sekiranya seseorang wanita yang ingin bercerai dengan suaminya dan gaji bulanannya adalah lebih daripada RM3,000 setiap bulan, dia memang tidak layak menerima segala sokongan daripada kerajaan Malaysia. Sekiranya saya ingin meminta suami saya untuk membayar sejumlah nafkah bulanan, saya perlu mengupah peguam untuk

pengurusan proses bercerai dan perkhidmatan undang-undang. Jadi, saya terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang agak besar untuk mengupah penguam bagi urusan tersebut. (R12)

Cabaran tekanan emosi

Tema berkaitan perkara ini menunjukkan majoriti informan iaitu tiga belas (13) daripada dua puluh (20) orang informan menghadapi cabaran tekanan emosi dalam kehidupan mereka selepas bergelar ibu tunggal. Mereka terdiri daripada R1, R3, R4, R5, R6, R7, R10, R11, R14, R15, R16, R17 dan R19. Seramai tujuh (7) orang informan berdepan dengan tekanan akibat merindui suami yang telah meninggal dunia. Mereka terdiri daripada R3, R4, R5, R6, R7, R10 dan R11. Data kajian mengesan ada antara mereka berasa sangat takut ketika keseorangan di rumah, kerap menangis pada waktu malam, serta sukar tidur kerana merindui suami dan merasakan mereka telah hilang masa hadapan sejak kehilangan suami. Golongan ibu tunggal tidak dapat mengawal emosi sendiri selepas kehilangan suami hingga menyebabkan mereka kerap menangis terutama pada waktu malam kerana terlalunya rindu suami mereka. Lebih teruk lagi, ada antara informan yang mengalami kemurungan setelah kematian suami tercinta. Gangguan emosi juga berlaku kerana informan berasa risau nasib perjalanan kehidupan bersama dengan anak tanpa suami mereka disisi. Ekstrak temu bual berkaitan dengan tema ini dapat difahami seperti di bawah:

Saya selalu tidak dapat tidur mulai hari itu kerana selalu fikirkan dia apabila menutup mata saya. Semasa suami saya meninggal dunia, semua anak saya masih kecil, saya tidak tahu bagaimana mendidik dan membesarkan mereka secara bersendirian tanpa pertolongan suami saya di sisi saya. Pada masa itu, saya hilang segala harapan terhadap masa hadapan. Saya selalu berada dalam kesedihan tetapi risau anak saya mendengar tangisan saya. (R4)

Selain itu, dua (2) orang informan menghadapi cabaran tekanan emosi ketika membesarkan anak mereka kerana informan menyalahkan diri sendiri atas segala yang berlaku. Mereka terdiri daripada R15 dan R19. Informan berasa menyesal berkahwin dengan bekas suami kerana anak telah menjadi mangsa akibat penceraian ini dan ada antara mereka tertekan kerana dipersalahkan oleh anak yang menganggap dia menjadi punca penceraian itu. Justeru, maklumat ekstrak temu bual boleh difahami seperti di bawah ini:

Saya selalu menyalahkan diri sendiri kerana membuat keputusan untuk bercerai dengan suami saya. Saya menyesal sungguh kerana saya tidak berfikir dengan jelas sebelum setuju berkahwin dengan suami saya, dan kini saya telah bercerai dengan suami saya. Penceraian mesti memberikan kemudahan kepada anak saya, saya sangat menyesal membiarkan anak saya tinggal dalam keadaan seperti ini. (R15)

Anak saya tidak faham sebab saya bercerai dengan suami saya dan menganggap saya merupakan seorang penjahat kerana mahu memisahkan dia dengan bapanya. Anak saya sangat tidak berpuas hati dengan saya. Anak saya juga tidak memahami situasi saya dan perasaan saya. (R19)

Seterusnya, didapati empat (4) orang informan menghadapi cabaran tekanan emosi akibat daripada stigma negatif orang sekeliling terhadap mereka selepas kehilangan suami. Mereka terdiri daripada R1, R4, R10 dan R14. Mereka mudah dipandang rendah oleh masyarakat sekeliling tanpa mengira punca perpisahan dengan suami mereka iaitu bercerai hidup atau sebab kematian. Salah seorang informan memberitahu:

Apabila saya menguruskan sesuatu perkara di luar, akan adanya trauma dalam diri sendiri, saya akan berfikir bahawa sendiri merupakan seorang ibu tunggal dan tanpa suami di sisi saya, jadi saya mudah dibuli oleh orang luar. Contohnya, apabila saya mula bekerja sebagai seorang agen insurans, ada seorang peguam yang mengetahui bahawa saya merupakan seorang ibu tunggal yang bercerai, secara sengaja atau tidak sengaja telah mengejek saya. (R14)

Berdasarkan kepada hasil temu bual bersama dengan semua informan, kajian ini mendapati aspek kewangan adalah cabaran utama yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal dalam kehidupan mereka terutama kepada mereka yang kematian suami. Golongan ibu tunggal yang sebelum ini merupakan suri rumah sepenuh masa lebih terkesan kerana mereka bergantung hidup sepenuhnya ketika pasangan mereka masih hidup. Hasil kajian ini disokong oleh Yusoff (2016) yang mendapati kebanyakan golongan ibu tunggal mengalami kesukaran menjaga ahli lain dalam keluarga dan membesarkan anak kerana mereka sudah hilang sebahagian besar pendapatan yang sebelum ini diberikan oleh suami mereka. Tambahan lagi, hasil kajian tersebut juga menerangkan golongan ibu tunggal yang menjadi suri rumah sepenuh masa lebih berisiko tinggi kerana kehilangan hampir keseluruhan pendapatan keluarga selepas bercerai dengan pasangan. Mereka juga mengalami masalah kewangan yang serius kerana pendapatan yang diperolehi setiap bulan masih tidak mampu menampung keperluan hidup mereka sekeluarga. Tekanan utama yang dihadapi oleh golongan ibu tunggal adalah berkaitan dengan kewangan seperti gaji yang tidak mencukupi, hutang yang banyak serta polisi ekonomi (Hashim et al., 2015). Pendapatan golongan ibu tunggal tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan hidup berkeluarga kerana kos sara hidup semakin meningkat sehingga terpaksa menggunakan semua pendapatan tersebut untuk menampung keperluan harian (Ahmad & Ismail, 2010).

Hasil dapatan kajian turut menunjukkan wujud perubahan pada struktur sesebuah sistem kekeluargaan jenis ibu tunggal. Antaranya adalah golongan ini terpaksa memainkan peranan sebagai ketua keluarga untuk memastikan keperluan asas sub sistem keluarga merangkumi keselamatan, makanan, perlindungan, penjagaan, perhatian dan kasih sayang mencukupi. Semua perkara ini penting untuk memastikan kestabilan dan keharmonian sesebuah keluarga tetap utuh walaupun tiada bantuan pasangan disisi. Namun, psikososial anak boleh terjejas sekiranya mana-mana bahagian keperluan ini diabaikan. Ia dikesan menerusi hasil kajian yang menunjukkan berlaku perubahan tingkah laku negatif anak-anak disebabkan oleh ibu tunggal lebih menghabiskan masa bekerja untuk menampung keperluan harian keluarga. Menurut Zakaria et al., (2019), golongan ibu tunggal lebih cenderung mengamalkan gaya keibubapaan permisif atau pengabaian kerana kesibukan kerja dan tekanan hidup yang dihadapi oleh mereka selepas kehilangan suami mereka. Pengabaian anak-anak ini boleh dikaitkan dengan masalah

kewangan serta sukar memenuhi keperluan fisiologi ahli keluarga iaitu anak-anak hingga mampu menjejaskan pertumbuhan dan perkembangan sub sistem tersebut (Dharatun Nissa, 2017). Justeru, sokongan sistem persekitaran sosial adalah penting untuk membantu ibu tunggal meningkatkan ekonomi keluarga. Roddin (2012) menjelaskan bahawa golongan ibu tunggal tidak mempunyai sistem sokongan sewajarnya yang dapat membantu membesarkan anak mereka secara bersendirian untuk memenuhi pelbagai keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal dan pendidikan.

Isu cabaran kewangan juga berkait rapat dengan cabaran ibu tunggal yang perlu memainkan peranan sebagai penjaga utama kepada anak mereka. Golongan ibu tunggal bertanggungjawab sepenuhnya mendidik dan membesarkan anak selepas kehilangan suami mereka sama ada disebabkan penceraian atau kematian. Justeru, golongan ibu tunggal terpaksa bekerja keras untuk menyara kehidupan keluarga bagi memastikan semua keperluan anak mencukupi ketika dalam penjagaan mereka. Kesempitan kewangan menyebabkan golongan ibu tunggal terpaksa bekerja lebih keras untuk menyara keluarga kerana isu kewangan amat penting untuk memastikan kestabilan ekonomi sesebuah keluarga (Dharatun Nissa, 2017).

Namun, kebanyakan latar belakang ibu tunggal yang berpendidikan rendah serta didiagnos mempunyai masalah kesihatan menyukarkan mereka menghadapi cabaran kewangan bagi menikmati hidup yang lebih baik. Mereka sukar mencari dan mendapat suatu pekerjaan yang lebih baik dengan tawaran jumlah gaji yang agak tinggi selepas kehilangan suami mereka. Kenaikan kos sara hidup pada masa ini memaksa golongan ibu tunggal untuk melakukan pelbagai jenis pekerjaan lebih masa hingga mengabaikan penjagaan anak yang terpaksa ditinggalkan di rumah tanpa pengawasan orang dewasa. Tambahan lagi, ketidakmampuan untuk membayar kos asuhan di pusat jagaan kanak-kanak yang dikatakan agak tinggi turut dihadapi oleh sebilangan besar golongan ibu tunggal yang miskin kerana jumlah sumber pendapatan mereka sangat minima (SUHAKAM, 2012). Situasi ini telah menjejaskan fungsi peranan mereka sebagai seorang penjaga dan perlindungan yang terbaik kerana keperluan asas seperti keselamatan anak tidak dapat dipenuhi.

Kegagalan suami menjalankan tanggungjawab untuk membayar nafkah menyebabkan golongan ibu tunggal terpaksa menanggung nafkah anak tersebut seperti penyediaan tempat tinggal, kos persekolahan anak dan sara hidup anak secara bersendirian (Mappiasse & Mazhab, 2015). Tambahan lagi, kos sara hidup yang semakin meningkat telah memberi bebanan kepada golongan ibu tunggal kerana mereka perlu memikul tanggungjawab berseorangan untuk menyediakan keperluan harian keluarga tanpa bantuan pasangan. Idris (2018) menegaskan bahawa kesejahteraan hidup golongan ibu tunggal boleh terjejas akibat bebanan yang semakin meningkat sekiranya mereka tidak pernah bekerja, tidak mewarisi harta daripada bekas suami dan juga bekas suami mengabaikan bertanggungjawab untuk membayar nafkah kepada anak-anak.

Golongan wanita yang bercerai berkemungkinan besar mengalami masalah emosi dan kemurungan berbanding dengan golongan wanita yang berkahwin atau golongan wanita yang tidak pernah berkahwin kerana mereka cenderung untuk berasa kesepian akibat tiada tempat bagi untuk

berkongsi pelbagai perasaan (Zakaria et al., 2018). Crosier, Butterworth dan Rodgers (2007) turut mendapati stigma terhadap status sebagai ibu tunggal dalam masyarakat telah menyebabkan golongan ibu tunggal mengalami tekanan hidup dan kurang mendapat sokongan sosial termasuk ahli keluarga dan masyarakat sekeliling. Pandangan negatif ini memberikan tekanan emosi kepada golongan ibu tunggal sehingga membuatkan mereka jarang keluar rumah sekiranya tidak bekerja, tidak melibatkan diri dalam aktiviti sosial atau aktiviti kemasyarakatan di sekitar (Ahmad & Ibrahim, 2022). Lebih teruk lagi, golongan ini berisiko tinggi mengalami tekanan yang kronik disebabkan masalah ekonomi dan tahap sokongan sosial yang rendah (Muhsin & Lukman, 2023). Dalam konteks ini, individu yang mengalami tekanan emosi boleh bertingkah laku negatif termasuklah bertindak agresif, mudah memberontak, kemurungan, penyakit mental dan membunuh diri (Zulkefli & Mustapha, 2016).

Rentetan itu, beberapa cadangan intervensi praktis kerja sosial diharap dapat membantu golongan ibu tunggal untuk menghadapi pelbagai cabaran dengan berpanduan kemunculan pelbagai tema penting daripada hasil kajian ini. Pada peringkat mikro, pekerja sosial boleh menjalankan proses penentuan situasi terhadap klien iaitu ibu tunggal secara bersemuka untuk mengenal pasti cabaran utama yang dihadapi oleh klien selepas kehilangan suami mereka sama ada disebabkan penceraian atau kematian. Sarwono (2002) mengaplikasikan teori peranan dengan menggunakan pendekatan "*life-course*" yang bermaksud setiap masyarakat mempunyai tingkah laku yang sesuai dengan kategori umur dalam masyarakat.

Teori peranan bukan sahaja boleh diaplikasikan untuk memahami cabaran yang dihadapi, malah ia juga sesuai digunakan untuk proses pembentukan pelan tindakan bagi mencapai matlamat intervensi. Hal ini kerana teori ini membantu klien iaitu golongan ibu tunggal memahami kepelbagaian peranan yang dimainkan dengan efektif supaya dapat memperkasakan klien untuk terus menjalankan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dengan lebih baik. Kepentingan pelbagai peranan ibu tunggal yang efektif iaitu sebagai ibu, bapa, ahli keluarga dan juga pekerja dalam satu masa perlu ditekankan untuk memastikan klien dapat mengatasi pelbagai cabaran bagi memenuhi pelbagai keperluan asas dengan baik. Kesannya, pembentukan psikososial yang positif dalam kalangan sub sistem keluarga yang terdekat termasuk anak-anak dapat diseimbangkan melalui komunikasi dua hala yang lebih berkesan.

Selain itu, intervensi dalam bentuk terapi kekeluargaan terhadap klien serta sub sistem keluarga yang terlibat boleh dilaksanakan untuk membentuk semula struktur dan sempadan keluarga yang lebih seimbang akibat daripada pelbagai cabaran yang dihadapi selepas klien bergelar ibu tunggal. Kaedah ini dapat membantu pekerja sosial menerapkan pemahaman dan perkongsian perasaan, emosi dan idea dalam kalangan ahli keluarga untuk mengatasi pelbagai cabaran seperti masalah kewangan, tekanan perasaan, tanggungjawab sebagai penjaga utama dan penyelesaian masalah tuntutan nafkah yang dihadapi oleh klien dan keluarga. Pekerja sosial yang bertindak sebagai fasilitator dapat membantu memudahkan setiap urusan perbincangan tersebut agar sebarang bentuk konflik dapat dielakkan. Asalam, Wahab dan Zakaria (2020) juga menyatakan pekerja sosial perlu mempunyai pengetahuan dan teknik yang sistematik dalam memastikan sesuatu perkhidmatan yang diberikan kepada klien dapat mencapai matlamatnya.

KESIMPULAN

Menjadi seorang ibu tunggal bukan suatu perkara yang mudah kerana mereka terpaksa memikul beban yang berat dalam kehidupan mereka selepas kehilangan suami mereka. Pelbagai bentuk cabaran telah dikenalpasti dalam kajian ini iaitu isu kewangan, cabaran sebagai penjaga utama anak-anak, masalah tuntutan nafkah dan tekanan emosi. Kesemua cabaran tersebut mampu mempengaruhi kefungsian sosial ibu tunggal untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dengan baik setelah kehilangan suami. Justeru, beberapa cadangan dalam konteks intervensi kerja sosial yang menfokuskan klien dan sistem keluarga telah dibincangkan ke arah memperkasakan golongan ibu tunggal dan meningkatkan keharmonian keluarga.

PENGHARGAAN

Penghargaan ucapan terima kasih diberikan kepada Persatuan Keluarga Ibu Tunggal yang membantu mendapatkan sampel kajian. Selain itu, terima kasih diucapkan kepada semua informan yang terlibat dalam kajian ini kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik dalam proses pengutipan data.

RUJUKAN

- Adnan, A. F. (2022, Mei 8). *Muda gesa perkenal skim bantuan ibu tunggal*. Utusan Malaysia.
<https://www.utusan.com.my/nasional/2022/05/muda-gesa-perkenal-skim-bantuan-ibu-tunggal/>.
- Ahmad, N.A., & Ibrahim, N. (2022). Isu marginalisasi dan program peningkatan kesejahteraan ibu tunggal. *Penyisihan Sosial Kumpulan Marginal*, 71-88.
- Ahmad, W.I.W., & Ismail, Z. (2010). Kualiti hidup dan harapan masa depan ibu tunggal Melayu Muslim di pantai Timur Malaysia / The life quality and the future hope of the single Malay Muslim mothers in the East coast of Malaysia. *Islamiyyat*, 32.
- Arisani, A.M.B., Hermawan, Y., & Nurhadi, N. (2023). Wanita dan rokok (Studi fenomenologi dramaturgi perilaku merokok mahasiswi Universitas Sebelas Maret). *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 7(1), 230-236.
- Asalal, N., Abd Wahab, H., & Zakaria, E. (2020). Keperluan pekerja sosial sekolah untuk menangani masalah sosial pelajar di Malaysia (The need of school social workers for dealing with student social problems in Malaysia). *The Malaysian Journal of Social Administration*, 14(2), 62-78.
- Azmi, I.A.G. (2023, Januari 11). *Ibu tunggal terbeban dengan peningkatan kos sara hidup*. Kosmo.
<https://www.kosmo.com.my/2023/01/11/ibu-tunggal-terbeban-dengan-peningkatan-kos-sara-hidup/>.

- Chong, S. T., Sidi, H., & Mohamad, M. S. (2021). Aplikasi teknik ketara sedar bagi pemerkasaan kesihatan mental semasa pandemik Covid-19. *e-BANGI*, 18(6), 17-27.
- Crosier, T., Butterworth, P., & Rodgers, B. (2007). Mental health problems among single and partnered mothers. The role of financial hardship and social support. *Social Psychiatry and Psychiatric Epidemiology*, 42(1), 6–13.
- Denzin, N.K., & Lincoln, Y.S. (1998). *The landscape of qualitative research* (4th ed.). SAGE Publications.
- Dharatun Nissa, P. M. K. (2017). *Strategi daya tindak dalam kalangan ibu tunggal kematian pasangan* [Doctoral dissertation, University of Malaya].
- Hashim, I.H.M., Azmawati, A.A., & Endut, N. (2015). *Stress, roles and responsibilities of single mothers in Malaysia* [Paper presentation]. SHS Web of Conferences, 18, 03003, EDP Sciences.
- Heriyanto, H. (2018). Thematic analysis sebagai metode menganalisa data untuk penelitian kualitatif. *Anuva: Jurnal Kajian Budaya, Perpustakaan, dan Informasi*, 2(3), 317-324.
- Ibrahim, F.A., & Ghani, F.A. (2018). Pengaruh ketahanan ibu tunggal terhadap kesejahteraan psikologikal ibu tunggal. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(17), 25-37.
- Idris, N.H.I. (2018). *Pemerkasaan ekonomi ibu tunggal* (1st Ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Iliana, A. (2021, Mac 29). *Kesusahan ibu tunggal sewaktu pandemik: 16% menerima gaji kurang daripada RM969 sebulan*. Wiki Impact. <https://www.wikiimpact.com/kesusahan-ibu-tunggal-sewaktu-pandemik/>
- Isahak, D., Selvaratnam, D.P., & Idris, N.A.H. (2009). Isu dan cabaran ibu tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global. *Prosiding Perkem Iv*, 1, 324-336.
- Jasmi, K.A. (2012). Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif*, 1, 28-29.
- Jusoh, M.N., & Latada, F. (2019). Kemahiran kehidupan ibu tunggal terhadap kesejahteraan keluarga. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 1(3), 36-44.
- Mappiasse, A.H.A., & Mazhab, J.P. (2015). *Hak anak atas nafkah terhutang ayah dalam perspektif Fiqh dan hukum positif* (Studi Putusan MA No. 608 K/AG/2003). [Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta].

- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education* (2nd Ed.). San Francisco (USA): Jossey-Bass.
- Merriam, S.B., & Tisdell, E.J. (2015). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th Ed.). Jossey-Bass.
- Muhsin, S.S.S., & Lukman, Z.M. (2023). Tahap kesejahteraan kewangan ibu tunggal Melayu di Terengganu. *International Journal of Advanced Research in Economics and Finance*, 5(2), 213-225.
- Mustari, M.I., Ya'akob, R., Chik, S.N., Jasmi, K.A., & Mohamed, A.K. (2006). Permasalahan ibu tunggal dalam melaksanakan tanggungjawab pendidikan anak-anak: Satu kajian di kawasan Sura, Dungun, Terengganu Darul Iman. In A.R.A. Rashid (Eds.), *Krisis dan konflik institusi keluarga* (p.p 32-41). Utusan Publications.
- Othman, Z., & Abdullah, S.M.S. (2020). Aplikasi teknik main peranan terhadap kemurungan murid mangsa perceraian ibu bapa. In Y. O. Mydin (Eds.), *Teknik dan strategi dalam penyelidikan kaunseling*. Penerbit USM.
- Rahman, S.F.A. (2004, Mei 27). *Islam tidak membezakan keluarga ibu tunggal*. Institut Kefahaman Islam Malaysia. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2004/05/27/islam-tidak-membezakan-keluarga-ibu-tunggal/>
- Ramlan, Y. (2020, Jun 11). *Ibu tunggal antara kelompok paling terjejas sewaktu PKP*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/529802>
- Roddin, R.B. (2012). Pendekatan model baru pembangunan usahawan wanita luar bandar bagi tujuan pembasmian kemiskinan (Publication No. VOT 0767). [Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].
- SUHAKAM. (2012). *Laporan seminar memperkasakan hak-hak ibu tunggal* (1st ed.). Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Universiti Teknologi Mara.
- Yusoff, S.R.M. (2016). *Peranan sikap, pengetahuan dan amalan kewangan terhadap pemeraksanaan ekonomi ibu tunggal* [Unpublished doctoral dissertation, Pusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia].
- Zainal, N., Abdul Rahim, H., & Sabri, M.F. (2017). Kesejahteraan kewangan dalam kalangan ibu tunggal di Negeri Sembilan. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 29, 38-50.
- Zakaria, S.M., Akhir, N.M., & Omar, F.I. (2018). Kesejahteraan psikologi ibu tunggal: Cabaran sebagai

ibu tunggal dan tekanan hidup. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018*, 579-589.

Zakaria, S. M., Shafurdin, N. S., Akhir, N. M., Hoesni, S. M., & Manap, J. (2019). Cabaran hidup ibu tunggal: Kesan terhadap kesejahteraan emosi. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(24), 69-84.

Zakaria, S.M., Shafurdin, N.S., Akhir, N.M., Hoesni, S.M., Manap, J., & Mohammad, N.H. (2018, Julai 25-27). *Kesejahteraan emosi golongan ibu tunggal: Cabaran hidup sebagai ibu tunggal*. [Paper Presentation]. Asian Association of Indigenous and Cultural Psychology (AAICP) International Conference.

Zulkefli, N., & Mustapha, Z. (2016). Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi. *Geografia*, 12(9), 150-160.